



KETUA PENGARAH  
*Director General*  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
*Fire And Rescue Department of Malaysia*  
Lebuh Wawasan, Presint 7  
62250 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Telefon: : 603-88880036  
Facsimile : 603-88927977  
Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
E-mail : [kp@bomba.gov.my](mailto:kp@bomba.gov.my)

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : JBPM.IP.BKK.700-2/5/1/17 Jld.4(1)  
Tarikh **29** Jun 2021

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato'/Tuan,

### **PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA BANGUNAN BAGI RUMAH PEKERJA DALAM TAPAK BINA**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pejabat Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) No. Rujukan: JKT.T.800-1/1 Jld. 19(23) bertarikh 18 Disember 2020 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan **Prosedur Operasi Standard (SOP) Permohonan Permit Sementara Bangunan Bagi Rumah Pekerja Dalam Tapak Bina** sebagai menyokong pelaksanaan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 (Akta 446).

3. Prosedur tersebut merupakan penambahbaikan SOP baharu yang akan diterapkan di dalam Manual OSC 3.0 Plus bagi permohonan Permit Sementara Bangunan iaitu pembinaan rumah pekerja dalam tapak bina. SOP ini juga merupakan mekanisma baharu untuk mengekang penularan wabak COVID-19 di negara ini melalui penyediaan kemudahan kediaman pekerja yang bersifat sementara dan kondusif di tapak bina.

4. Untuk makluman YS Dato'/Tuan, berdasarkan SOP tersebut beberapa inisiatif telah diperkenalkan untuk memudahcara dan mempercepatkan proses kelulusan permohonan Permit Sementara Bangunan termasuklah pengecualian mendapatkan ulasan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Pemohon dikehendaki mematuhi semua perkara yang ditetapkan di dalam senarai semak Pepasangan Keselamatan Kebakaran(PKK) sebelum mengemukakan permohonan kepada OSC Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Sistem OSC 3.0 Plus.

...2/

#### 'CEPAT DAN MESRA'




5. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan Prosedur Operasi Standard (SOP) Prosedur Permohonan Permit Sementara Bangunan Bagi Rumah Pekerja Dalam Tapak Bina untuk makluman dan tindakan YS Dato'/Tuan.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menandatangani amanah,



**(DATO' SRI Ts MOHAMMAD HAMDAN BIN HAJI WAHID)**

s.k.:

1. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
2. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
3. YS Pengarah, Bahagian Keselamatan Kebakaran  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

## **SENARAI EDARAN**

1. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, W.P. Kuala Lumpur
2. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor
3. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri P. Pinang
4. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Perak
5. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Pahang
6. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sarawak
7. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Johor
8. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sabah
9. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Kedah
10. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Negeri Sembilan
11. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Kelantan
12. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Terengganu
13. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Melaka
14. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Perlis
15. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, W.P Putrajaya
16. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, W.P Labuan



**KETUA SETIAUSAHA**  
(Secretary General)

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
(Ministry of Housing and Local Government)

Aras 17

No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +(6)03 - 8891 5003  
Faks : +(6)03 - 8891 5558

Rujukan Kami : JKT.T.800-1/1 Jld.19 (23)

Tarikh : 18 Disember 2020

## **SENARAI EDARAN SEPERTI DILAMPIRAN**

YB/YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### **PROSEDUR PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA BANGUNAN BAGI RUMAH PEKERJA DALAM TAPAK BINA**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB/YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara tersebut di atas.

2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyokong pelaksanaan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerjaan (Pindaan) 2019 Akta 446 terutama di kawasan tapak bina industri pembinaan. Penguatkuasaan adalah amat wajar bagi mengekang penularan wabak atau pandemik COVID-19 di negara ini melalui penyediaan kemudahan kediaman pekerja yang bersifat sementara tetapi mematuhi peraturan agar tidak mewujudkan ruang yang sempit dan penuh sesak.

3. Mesyuarat YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bersama Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri-Negeri (MEXCOPT) bertarikh 14 Disember 2020 telah dimaklumkan ke atas penyediaan **Prosedur Permohonan Permit Sementara Bangunan Bagi Rumah Pekerja Dalam Tapak Bina** sebagai satu penambahbaikan SOP baharu yang akan diterapkan di dalam Manual OSC 3.0 Plus yang telah diluluskan pelaksanaannya sebagaimana surat Pekeliling KSU KPKT Bil. 1 Tahun 2020 bertarikh 13 Februari 2020. Penyediaan SOP ini merupakan satu inisiatif kerajaan terutama di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan bagi memudah cara industri pembinaan dalam tempoh pasca COVID-19.


4. KPKT juga ingin memaklumkan bahawa penyediaan SOP ini telah diselaraskan dan menepati Akta Perancangan dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Kelulusan pelan bagi pendirian bangunan rumah pekerja di atas tapak bina yang telah diberi Kebenaran Merancang hendaklah diperolehi dari Pihak Berkuasa Tempatan melalui permohonan Permit Sementara Bangunan bagi menggantikan Kelulusan Pelan Bangunan sejajar dengan peruntukan UUK 18 dan UUK 19 UKBS 1984. Selain itu, melalui kuasa dan budi bicara Pihak Berkuasa Tempatan, satu kebenaran khas untuk memulakan kerja-kerja bangunan sebelum kelulusan pelan diperolehi boleh diberikan menurut UUK 13 UKBS 1984 dengan syarat permohonan Pelan Permit Sementara telah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun pemohon adalah tertakluk kepada syarat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan termasuk tindakan penguatkuasaan seperti pembatalan kelulusan dan pengeluaran kompaun di bawah mana-mana Undang-undang Kecil yang berkaitan.

5. Sehubungan dengan itu, semua Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menerima pakai dan seterusnya melaksanakan **Prosedur Permohonan Permit Sementara Bangunan Bagi Rumah Pekerja Dalam Tapak Bina (seperti di lampiran)** untuk memastikan industri pembinaan negara terus berkembang pesat untuk mencergaskan kegiatan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATUK ZAINAL ABIDIN BIN ABU HASSAN)

**SALINAN KEPADA :**

1. YBhg. Dato' Haji Noor-Ihsan bin Haji Che Mat  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kerajaan Tempatan  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
2. YBhg. Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid  
Ketua Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia  
Tingkat 10, Menara Dato' Onn  
Putra World Centre (PWTC)  
No. 45, Jalan Tun Ismail  
50480 Kuala Lumpur.
3. YBhg. Tuan Haji Asri Bin Ab Rahman  
Ketua Pengarah  
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia  
Aras 5, Blok D3, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62530 Putrajaya.
4. Setiausaha Sulit Kanan  
Pejabat YB Menteri Kerja Raya Malaysia  
Tingkat 5, Blok A, Kompleks Kerja Raya  
Jalan Sultan Salahuddin  
50580 Kuala Lumpur
5. Setiausaha Sulit Kanan  
Pejabat YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**SALINAN KEPADA:**

1. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Johor  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor  
Aras 3, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad,  
Kota Iskandar  
79000 Iskandar Puteri  
**JOHOR**
2. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
Tingkat 1, Blok 2,  
Kota Darulnaim  
Jalan Kuala Krai  
15503 Kota Bharu  
**KELANTAN**
3. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang  
Tingkat 2, Blok A  
Wisma Sri Pahang  
25503 Kuantan  
**PAHANG**
4. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah  
Aras 4, Blok B  
Wisma Darul Aman  
05503 Alor Setar  
**KEDAH**
5. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Tingkat 19, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS)  
40503 Shah Alam  
**SELANGOR**
6. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu  
Tingkat 15, Wisma Darul Iman  
20503 Kuala Terengganu  
**TERENGGANU**

7. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka  
Jabatan Ketua Menteri Melaka  
Aras 3, Blok Bendahara  
Seri Negeri, Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh  
**MELAKA**
8. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis  
Aras 2, Kompleks DUN Perlis,  
01000 Kangar  
**PERLIS**
9. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 25, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)  
10000 Georgetown  
**PULAU PINANG**
10. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
Blok A, Tingkat 5, Wisma Negeri  
Jalan Dato' Abdul Malek  
70503 Seremban  
**NEGERI SEMBILAN**
11. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak  
Aras 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahad  
30000 Ipoh  
**PERAK**

## SENARAI EDARAN

### PERLIS

1. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kangar,  
192, Persiaran Jubli Emas,  
**01000 KANGAR.**

No. tel.: 04-9762 188  
No. faks: 04-9766 052

### KEDAH

2. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Alor Star,  
Jalan Kolam Air,  
**05675 ALOR STAR.**

No. tel.: 04-7332 499  
No. faks: 04-7334 377

3. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Langkawi,  
Bandaraya Perlancongan,  
**07000 KUAH LANGKAWI.**

No. tel.: 04-9666 590  
No. Faks: 04-9671 773

4. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Sungai Petani,  
Kompleks SP Plaza, Jalan Ibrahim,  
**08000 SUNGAI PETANI.**

No. tel.: 04-4212 205  
No. faks: 04-4233 416

5. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kulim,  
No. 104 - 120, Lorong Kota Kenari 5/1,  
Taman Kota Kenari,  
**09000 KULIM.**

No. tel.: 04-4905 664  
No. faks: 04-4901 443

6. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kubang Pasu,  
Komplek Pentadbiran Daerah,  
**06000 JITRA.**

No. tel.: 04-9183 300  
No. faks: 04-9174 057

7. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Bandar Baharu,  
**09800 SERDANG.**

No. tel.: 04-4077 264  
No. faks: 04-4078 873

8. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Baling,  
**09100 BALING.**

No. tel.: 04-4701 800  
No. faks: 04-4701 580

9. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Padang Terap,  
**06300 KUALA NERANG.**  
No. tel.: 04-7866 328  
No. faks: 04-7866 639
10. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Pendang,  
Aras 3, Wisma Sri Pendang,  
**06700 PENDANG.**  
No. tel.: 04-7596 077  
No. faks: 04-7596 709
11. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Sik,  
**08200 SIK.**  
No. tel.: 04-4695 394  
No. faks: 04-4695 448
12. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Yan,  
**06900 YAN.**  
No. tel.: 04-4655 745  
No. faks: 04-4655 990

#### **PULAU PINANG**

13. Datuk Bandar,  
Majlis Perbandaran Pulau Pinang,  
Paras 4, KOMTAR,  
Jalan Penang,  
**10675 PULAU PINANG.**  
No. tel.: 04-2592 020  
No. faks: 04-2637 868
14. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Seberang Perai,  
Jalan Perda Utama,  
Bandar Perda,  
**14000 BUKIT MERTAJAM.**  
No. tel.: 04-5497 555  
No. faks: 04-5389 700

#### **PERAK**

15. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Ipoh,  
Jalan Sultan Abdul Jalil,  
**30450 IPOH.**  
No. tel.: 05-2083 333  
No. faks: 05-2437 211
16. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Manjung,  
Jalan Pinang Raja,  
**32040 SERI MANJUNG.**  
No. tel.: 05-6871 363  
No. faks: 05-6882 102

17. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Taiping,  
Wisma Perbandaran Taiping,  
**34000 TAIPING.**  
No. tel.: 05-8080 777  
No. faks: 05-8068 957
18. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar,  
Wisma MPKK, Jalan Taiping,  
**33000 KUALA KANGSAR.**  
No. tel.: 05-7763 199  
No. faks: 05-7761 004
19. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Teluk Intan,  
Jalan Speedy,  
**36000 TELUK INTAN.**  
No. tel.: 05-6215 504  
No. faks: 05-6212 446
20. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Gerik,  
Jalan Haji Meor Yahaya,  
**33300 GERIK.**  
No. tel.: 05-7911 686  
No. faks: 05-7912 288
21. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kerian,  
No. 1, Wisma MDK,  
Jalan Padang,  
**34200 PARIT BUNTAR.**  
No. tel.: 05-7161 228  
No. faks: 05-7169 268
22. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Batu Gajah,  
Jalan Haji Abdul Wahab,  
**31000 BATU GAJAH.**  
No. tel.: 05-3632 020  
No. faks: 05-3665 930
23. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kampar,  
Jalan Iskandar,  
**31900 KAMPAR.**  
No. tel.: 05-4671 020  
No. faks: 05-4671 040
24. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Lenggong,  
Jalan Alang Iskandar,  
**33400 LENGGONG.**  
No. tel.: 05-7677 207  
No. faks: 05-7677 002

25. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Pengkalan Hulu,  
Jalan Pejabat,  
**33100 PENGKALAN HULU.**  
No. tel.: 04-4778 148  
No. faks: 04-4778 735
26. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Perak Tengah,  
Aras Bawah,  
Kompleks Pentadbiran Daerah Perak Tengah,  
Seri Iskandar,  
**32610 BANDAR SERI ISKANDAR.**  
No. tel.: 05-3712 088  
No. faks: 05-3712 089
27. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Selama,  
**34100 SELAMA.**  
No. tel.: 05-8394 201  
No. faks: 05-8394 377
28. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Tanjong Malim,  
Peti Surat 59,  
Bandar Behrang 2020,  
**35900 TANJONG MALIM.**  
No. tel.: 05-4563 410  
No. faks: 05-4563 430
29. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Tapa,  
Jalan Stesyen,  
**35000 TAPAH.**  
No. tel.: 05-4017 515  
No. faks: 05-4012 288

#### **SELANGOR**

30. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Shah Alam,  
Tingkat 1, Wisma MBSA,  
Persiaran Perbandaran,  
**40000 SHAH ALAM.**  
No. tel.: 03-5510 5133  
No. faks: 03-5510 8010
31. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya,  
Jalan Yong Shook Lin,  
**46675 PETALING JAYA.**  
No. tel.: 03-7956 3544  
No. faks: 03-7958 1494
32. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya,  
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah,  
**55100 KUALA LUMPUR.**  
No. tel.: 03-4296 8000  
No. faks: 03-4296 8060

33. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kajang,  
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,  
Off Jalan Semenyih,  
**43000 KAJANG.**  
No. tel.: 03-8737 7899  
No. faks: 03-8734 8705
34. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang,  
Bangunan Sultan Alam Shah,  
Jalan Perbandaran,  
**41675 KLANG.**  
No. tel.: 03-3375 5555  
No. faks: 03-3372 0344
35. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Selayang,  
Menara MPS, Persiaran 3,  
Bandar Baru Selayang,  
**68100 BATU CAVES.**  
No. tel.: 03-6120 4904  
No. faks: 03-6138 8933
36. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Subang Jaya,  
Persiaran Perpaduan USJ 5,  
**47610 SUBANG JAYA.**  
No. tel.: 03-8026 3131  
No. faks: 03-5637 6585
37. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Sepang,  
Persiaran Semarak Api, Cyber 1,  
**63200 CYBERJAYA.**  
No. tel.: 03-8319 0200  
No. faks: 03-8319 0220
38. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat,  
Persiaran Majlis,  
Off Jalan Sultan Alam Shah,  
**42700 BANTING.**  
No. tel.: 03-3187 2825  
No. faks: 03-3187 9304
39. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Hulu Selangor,  
Jalan Bukit Kerajaan,  
**44000 KUALA KUBU BHARU.**  
No. tel.: 03-6064 1331  
No. faks: 03-6064 3991
40. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kuala Selangor,  
Jalan Semarak,  
**45000 KUALA SELANGOR.**  
No. tel.: 03-3289 1439  
No. faks: 03-3289 1101

41. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Sabak Bernam,  
**45300 SUNGAI BESAR.**

No. tel.: 03-3224 1655  
No. faks: 03-3224 2766

**NEGERI SEMBILAN**

42. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Seremban,  
Wisma MBS, Persiaran Forest Height 1,  
**Jalan Seremban – Tampin**  
**70450 SEREMBAN.**

No. tel.: 06-7623 381  
No. faks: 06-7637 449

43. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Port Dickson,  
KM 1, Jalan Pantai,  
**71009 PORT DICKSON.**

No. tel.: 06-6471 122  
No. faks: 06-6474 984

44. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Jempol,  
**72120 BANDAR SERI JEMPOL.**

No. tel.: 06-4581 233  
No. faks: 06-4585 800

45. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Jelevu,  
Kuala Klawang,  
**71600 JELEBU.**

No. tel.: 06-6136 479  
No. faks: 06-6137 515

46. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kuala Pilah,  
Jalan Perpateh,  
**72000 KUALA PILAH.**

No. tel.: 06-4812 075  
No. faks: 06-4811 042

47. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Rembau,  
Dewan Merdeka, Jalan Dato' Maharaja Lela,  
**71309 REMBAU.**

No. tel.: 06-6851 144  
No. faks: 06-6855 117

48. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Tampin,  
**73000 TAMPIN.**

No. tel.: 06-4411 601  
No. faks: 06-4413 001

## MELAKA

49. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah,  
No. 1, Graha Makmur,  
Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh,  
**75450 MELAKA.**  
No. tel.: 06-2859 700  
No. faks: 06-2316 084
50. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Alor Gajah,  
Jalan Dato' Dol Said,  
**78000 ALOR GAJAH.**  
No. tel.: 06-5561 010  
No. faks: 06-5564 909
51. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Jasin,  
**77000 JASIN.**  
No. tel.: 06-5291 245  
No. faks: 06-5293 537
52. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya,  
Lot F51 & F52, Kompleks Melaka Mall,  
Jalan Tun Razak – Ayer Keroh,  
Ayer Keroh,  
**75450 HANG TUAH JAYA.**  
No. tel.: 06-2323 773  
No. faks: 06-2322 778

## JOHOR

53. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru,  
Peti Surat 232,  
Jalan Dato' Onn,  
**80720 JOHOR BAHRU.**  
No. tel.: 07-2282 525  
No. faks: 07-2230 619
54. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Batu Pahat,  
Bangunan MPBP,  
Jalan Pejabat,  
**83000 BATU PAHAT.**  
No. tel.: 07-4341 045  
No. faks: 07-4321 164

55. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri,  
**81300 JOHOR BAHRU.**  
No. tel.: 07-5555 000  
No. faks: 07-5568 007
56. Yang Dipertua,  
Majlis Bandaraya Pasir Gudang,  
Aras 19, Menara Aqabah,  
Jalan Bandar,  
**81700 PASIR GUDANG.**  
No. tel.: 07-2547 777  
No. faks: 07-2515 260
57. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kluang,  
Jalan Pejabat Kerajaan,  
**86000 KLUANG.**  
No. tel.: 07-7771 401  
No. faks: 07-7713 209
58. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Muar,  
Karung Berkunci No. 516,  
**84009 MUAR.**  
No. tel.: 06-9521 204  
No. faks: 06-9522 691
59. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kulai,  
Jalan Pejabat Kerajaan,  
**81000 KULAIJAYA.**  
No. tel.: 07-6631 511  
No. faks: 07-6632 407
60. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Segamat,  
No. 1, Jalan Abdullah,  
**85000 SEGAMAT.**  
No. tel.: 07-9314 455  
No. faks: 07-9312 712
61. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Pengerang,  
No. 7, Jalan Kempas 1, Taman Desaru Utama ,  
**81930 BANDAR PENAWAR**  
No. tel.: 07-8862 692  
No. faks: 07-8862 636
62. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kota Tinggi,  
Jalan Padang,  
**81900 KOTA TINGGI.**  
No. tel.: 07-8831 004  
No. faks: 07-8834 015
63. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Labis,  
Labis,  
**85300 SEGAMAT.**  
No. tel.: 07-9251 781  
No. faks: 07-9251 308

64. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Mersing,  
No. 243, Jalan Ibrahim,  
**86800 MERSING.**  
No. tel.: 07-7981 818  
No. faks: 07-7993 975
65. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Pontian,  
Jalan Alsagoff,  
**82000 PONTIAN.**  
No. tel.: 07-6871 442  
No. faks: 07-6873 131
66. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Simpang Renggam,  
**86200 SIMPANG RENGAM.**  
No. tel.: 07-7551 300  
No. faks: 07-7551 302
67. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Tangkak,  
Peti Surat 63,  
**84907 TANGKAK.**  
No. tel.: 06-9781 261  
No. faks: 06-9782 670
68. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Yong Peng,  
KM 1, Jalan Labis,  
**83700 BATU PAHAT.**  
No. tel.: 07-4671 276  
No. faks: 07-4671 712

#### **PAHANG**

69. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kuantan,  
Jalan Tanah Putih,  
**25100 KUANTAN.**  
No. tel.: 09-5121 666  
No. faks: 09-5130 644
70. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Temerloh,  
Kompleks Pejabat Plaza Temerloh,  
Jalan Ahmad Shah,  
**28000 TEMERLOH.**  
No. tel.: 09-2901 477  
No. faks: 09-2901 664
71. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Bentong,  
Jalan Ketari,  
**28700 BENTONG.**  
No. tel.: 09-2221 148  
No. faks: 09-2223 729

72. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Bera,  
**28200 BANDAR BERA.** No. tel.: 09-2501 700  
No. faks: 09-2501 708
73. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Cameron Highlands,  
P.O.Box 66, Tanah Rata,  
**39000 CAMERON HIGHLANDS.** No. tel.: 05-4911 455  
No. faks: 05-4911 728
74. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Jerantut,  
**27000 JERANTUT.** No. tel.: 09-2662 205  
No. faks: 09-2661 545
75. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Lipis,  
**27200 KUALA LIPIS.** No. tel.: 09-3121 253  
No. faks: 09-3123 523
76. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Maran,  
**26500 MARAN.** No. tel.: 09-4771 411  
No. faks: 09-4771 511
77. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Pekan,  
Jalan Mahkota,  
**26600 PEKAN BANDAR DIRAJA.** No. tel.: 09-4211 077  
No. faks: 09-4221 954
78. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Raub,  
**27600 RAUB.** No. tel.: 09-3551 175  
No. faks: 09-3554 270
79. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Rompin,  
**26800 KUALA ROMPIN.** No. tel.: 09-4146 677  
No. faks: 09-4146 077

#### **TERENGGANU**

80. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu,  
Tingkat 4 – 8, Menara Permint,  
Jalan Sultan Ismail,  
**20200 KUALA TERENGGANU.** No. tel.: 09-6261 111  
No. faks: 09-6226 570

81. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kemaman,  
Jalan Air Putih,  
**24000 KEMAMAN.**  
No. tel.: 09-8597 777  
No. faks: 09-8595 455
82. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Dungun,  
Jalan Yahaya Ahmad,  
**23000 DUNGUN.**  
No. tel.: 09-8481 931  
No. faks: 09-8483 210
83. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Besut,  
**22200 BESUT.**  
No. tel.: 09-6956 388  
No. faks: 09-6956 199
84. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Hulu Terengganu,  
**21700 KUALA BERANG.**  
No. tel.: 09-6811 149  
No. faks: 09-6811 655
85. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Marang,  
**21600 MARANG.**  
No. tel.: 09-6182 366  
No. faks: 09-6182 490
86. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Setiu,  
Wisma MDS, Bandar Permaisuri,  
**22100 SETIU.**  
No. tel.: 09-6099 377  
No. faks: 09-6099 367

#### **KELANTAN**

87. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam,  
Jalan Hospital,  
**15000 KOTA BHARU.**  
No. tel.: 09-7484 477  
No. faks: 09-7486 026
88. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Ketereh,  
**16450 KETEREH.**  
No. tel.: 09-7886 112  
No. faks: 09-7886 031
89. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Tanah Merah,  
**17500 TANAH MERAH.**  
No. tel.: 09-9556 026  
No. faks: 09-9556 826
90. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Bachok,  
**16300 BACHOK.**  
No. tel.: 09-7787 636  
No. faks: 09-7789 533

91. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Gua Musang,  
**18300 GUA MUSANG.**  
No. tel.: 09-9120 235  
No. faks: 09-9121 044
92. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Jeli,  
Taman Persiaran Indah,  
**17600 JELI.**  
No. tel.: 09-9440 023  
No. faks: 09-9440 007
93. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Dabong,  
**18200 DABONG.**  
No. tel.: 09-9663 345  
No. faks: 09-9667 345
94. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kuala Krai,  
JKR 60, Jalan Sultan Yahya Petra,  
**18000 KUALA KRAI.**  
No. tel.: 09-9602 000  
No. faks: 09-9663 284
95. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Machang,  
Jalan Tok Kemuning,  
**18500 MACHANG.**  
No. tel.: 09-9751 076  
No. faks: 09-9751 431
96. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Pasir Mas,  
Pejabat Majlis Daerah,  
**17000 PASIR MAS.**  
No. tel.: 09-7909 250  
No. faks: 09-7903 250
97. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Pasir Puteh,  
Jalan Kota Bharu,  
**16800 PASIR PUTEH.**  
No. tel.: 09-7866 011  
No. faks: 09-7867 011
98. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Tumpat,  
Jalan Dato' Keramat,  
Pekan Tumpat,  
**16200 TUMPAT.**  
No. tel.: 09-7252 224  
No. faks: 09-7256 919



## **PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA BANGUNAN BAGI RUMAH PEKERJA DALAM TAPAK BINA**

## **KANDUNGAN**

- 1. TUJUAN**
- 2. LATAR BELAKANG**
- 3. OBJEKTIF**
- 4. DEFINISI**
  - i. Rumah Pekerja/ Kediaman Pekerja**
  - ii. Bangunan Sementara**
  - iii. Permit Sementara**
  - iv. Perunding Bertauliah/ Orang Yang Berkelayakan**
- 5. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG**
- 6. TATACARA DAN PROSEDUR**
- 7. INISIATIF UTAMA**
- 8. SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA BANGUNAN**
- 9. CARTA ALIR PERMOHONAN**
- 10. SENARAI SEMAK KEHENDAK-KEHENDAK KEBOMBAAN BAGI PERMIT SEMENTARA BANGUNAN**
- 11. KUATKUASA**

## **1. TUJUAN**

Prosedur Operasi Standard (SOP) ini bertujuan untuk memberi panduan secara khusus berkenaan proses permohonan pembinaan kemudahan rumah pekerja dalam tapak pembinaan untuk diterap dan diselaraskan di dalam Manual OSC 3.0 Plus.

## **2. LATAR BELAKANG**

Akta Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 (Akta 446) telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019 serta Dewan Negara pada 31 Julai 2019 dan seterusnya diwartakan pada 18 September 2019. Akta ini adalah berhubung dengan penyediaan kemudahan perumahan, penginapan dan kemudahan kesihatan pekerja oleh majikan semua sektor termasuk sektor pembinaan. Melalui penguatkuasaan akta ini, penyediaan kemudahan penginapan kepada pekerja hendaklah menepati piawaian ditetapkan bagi mengelak daripada majikan dikenakan didenda.

Susulan tercetusnya penularan pandemik COVID-19 dalam negara ini sejak bulan Mac 2020, beberapa kes kluster tapak pembinaan telah dikesan di Kuala Lumpur dan beberapa kawasan lain menunjukkan bahawa pekerja tapak bina terutamanya warga asing adalah golongan yang berisiko untuk dijangkiti COVID-19. Risiko penularan semakin serius disebabkan oleh kaedah penginapan secara beramai-ramai atau bersesak-sesak dalam satu unit kediaman selain tahap kebersihan

premis yang langsung tidak memuaskan. Penguatkuasaan Akta 446 (Pindaan) 2019 dijangka akan dapat mencegah penularan wabak penyakit sama ada COVID-19 atau penyakit bawaan vektor seperti Denggi selaras dengan Syor 115 (Syor Perumahan Pekerja 1961) Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Sehubungan itu, penyediaan rumah pekerja binaan di atas tapak pembinaan merupakan salah satu isu utama yang telah dibangkitkan oleh YB Menteri Kementerian Kerja Raya (KKR) menerusi sesi libat urus dengan pemain industri di dalam Mesyuarat Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 20 November 2020 yang turut disertai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Berdasarkan fungsi dan tanggungjawab dan melalui peruntukan undang-undang sedia ada, KPKT amat menitikberatkan bahawa cadangan pembinaan rumah pekerja di dalam kawasan tapak pembinaan hendaklah dikawalselia melalui kelulusan pelan pemajuan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terlebih dahulu sebelum pembinaan dijalankan. Terdapat dua dokumen perundangan yang memberi kuasa kepada PBT secara khusus bagi mengawalselia sebarang aktiviti pemajuan iaitu Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta 133.

### **3. OBJEKTIF**

Terdapat tiga objektif utama digariskan bagi memastikan matlamat penyediaan SOP ini akan dapat dicapai seperti berikut;

- i. Memastikan tatacara permohonan dan pertimbangan yang disediakan adalah selaras dan menepati kehendak peraturan dan perundangan yang sedang berkuatkuasa untuk dilaksanakan dan dipatuhi oleh semua pihak berkaitan;
- ii. Menyelaras peraturan dan peruntukan sedia ada bagi meneroka cadangan penambahbaikan melalui pelaksanaan insentif-insentif baharu untuk memudahcara industri pembinaan melalui peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan terutama di PBT;
- iii. Meningkatkan tahap kepatuhan dan kebertanggungjawaban pihak berkepentingan terutama pemain industri pembinaan ke atas aspek kesihatan dan keselamatan kawasan tapak bina.

### **4. DEFINISI**

#### **i. Rumah Pekerja/ Kediaman Pekerja**

Ditakrifkan sebagai kediaman lain iaitu tempat tinggal bagi maksud kediaman selain daripada mana-mana premis yang terkandung dalam Kumpulan I dan II dalam Jadual Kelima, UKBS 1984.

**ii. Bangunan Sementara**

Termasuklah sesuatu bangunan yang dibina keseluruhan atau sebahagiannya daripada bahan-bahan yang tidak dijaga secara istimewa, mungkin cepat rosak, atau selainnya tidak sesuai untuk digunakan bagi pembinaan bangunan kekal, dan boleh meliputi sesuatu rumah atau bangunan yang pembinaanya dibenarkan di bawah lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan bagi suatu tempoh terhad yang akan ditetapkan dan apabila tamat tempoh itu bangunan tersebut hendaklah dirobohkan – UKBS 1984;

**iii. Permit Sementara**

Suatu permit sementara bagi suatu tempoh terhad yang boleh dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan – UKBS 1984.

**iv. Perunding Bertauliah/ Orang Yang Berkelayakan**

Seseorang Arkitek profesional, Jurutera Profesional atau pelukis pelan bangunan yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pendaftarannya – UKBS 1984.

## 5. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

### i. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172.

Subperenggan 19(2)(e) Akta 172 membenarkan pendirian bangunan untuk tujuan menampung pekerja yang terlibat dengan kerja pembinaan di atas tanah (tapak pembinaan) yang telah diberikan kelulusan Kebenaran Merancang. Oleh demikian, pemaju tidak perlu mengemukakan permohonan KM untuk mendapatkan kelulusan bagi pembinaan rumah pekerja di atas tapak bina yang cadangan projek pembangunannya telah diberi kelulusan KM oleh PBT bagi memajukan tanah tersebut.

19. (1) *Tiada seorang pun, selain pihak berkuasa tempatan, boleh memulakan, mengusahakan, atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberikan kepadanya di bawah seksyen 22 atau dilanjutkan di bawah subseksyen 24(3).*

(2) *Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), **kebenaran merancang tidak perlu-***

*(e) bagi pembinaan atau pendirian di atas mana-mana tanah bangunan sementara untuk menampung pekerja yang terlibat dalam pembinaan atau pendirian suatu bangunan di atas tanah, yang baginya kebenaran untuk merancang telah diberikan;*

**ii. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.**

Selaras dengan keperluan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta 133, suatu bangunan yang dicadangkan untuk didirikan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Pelan Bangunan dari PBT. Keperluan tersebut hendaklah dipatuhi termasuk ke atas pembinaan rumah pekerja atau bangunan bagi kediaman pekerja sama ada dalam tapak bina atau di luar tapak bina. Walau bagaimanapun PBT boleh memberikan kelulusan dalam bentuk Permit Sementara ke atas cadangan bagi mendirikan suatu bangunan bagi menggantikan kelulusan Pelan Bangunan termasuk ke atas pendirian rumah pekerja atau kediaman pekerja di dalam kawasan tapak pembinaan. Peruntukan dan kuasa PBT tersebut adalah selaras dengan UUK 19(1)(b) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 seperti berikut;

**19. *Permit sementara***

***(1) Suatu permit sementara bagi suatu tempoh terhad boleh dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan bagi maksud berikut:***

***a) mendirikan bangsal bagi pertunjukkan-pertunjukkan atau tempat sembahyang;***

***b) mendirikan bangsal kerja bagi pembina-pembina atau suatu stor atau bangsal lain yang hendak digunakan berhubungan dengan kerja-kerja bangunan;***

## 6. TATACARA DAN PROSEDUR

Berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan di atas, komponen rumah pekerja termasuk bangsal/ kediaman untuk kegunaan pekerja di tapak bina dikategorikan sebagai satu binaan secara sementara dan akan hanya didiami dengan suatu tempoh yang terhad (sepanjang tempoh pembinaan). Komponen-komponen dan sebarang struktur yang berkaitan dengannya hendaklah dirobohkan selepas kerja pembinaan selesai. Berikut adalah tatacara dan prosedur yang digariskan;

- i. Pemaju hendaklah memastikan 2 syarat utama sebelum mengemukakan permohonan Permit Sementara kepada PBT seperti berikut;
  - i. Cadangan pemajuan di atas tapak bina hendaklah telah mendapat kelulusan KM Pembinaan; dan
  - ii. Cadangan pemajuan di atas tapak bina hendaklah telah mengemukakan Pelan Bangunan atau permohonan Permit Sementara bagi pembinaan rumah pekerja dikemukakan serentak dengan permohonan Pelan Bangunan.
- ii. Kelulusan Permit Sementara Bangunan hendaklah diperolehi dari PBT sebelum pembinaan komponen rumah pekerja didirikan di tapak bina. Selaras dengan Jadual Pertama UKBS, tempoh kelulusan Permit Sementara Bangunan adalah selama 1 tahun kalendar dan perlu diperbaharui setiap tahun sebelum 1 Januari.
- iii. Sebagai inisiatif tambahan, komponen-komponen lain tapak pembinaan seperti perkara 19(1)(e) dan (f) UKBS 1984 iaitu bagi pendirian pelantar

- kerja (scaff holding) dan papan dinding (hoarding) juga tidak perlu mendapatkan kelulusan KM tetapi hendaklah mendapatkan kelulusan Permit Sementara Bangunan dari PBT.
- iv. Semasa memberi pertimbangan bagi kelulusan Permit Sementara Bangunan, PBT mempunyai hak untuk menetapkan syarat-syarat yang hendaklah dipatuhi oleh pemohon. Antara aspek yang akan diberi keutamaan oleh PBT adalah seperti berikut;
- i. pengurusan sistem sisa kumbahan dan pembetungan;
  - ii. pengurusan sampah dan sisa industri pembinaan;
  - iii. pengurusan dan kawalan penyakit berjangkit terutama denggi dan COVID-19 (terkini);
  - iv. pencegahan elemen kacau ganggu awam seperti kesesakan jalan raya dan aktiviti sosial pekerja binaan.
- v. Pemohon dikehendaki mematuhi segala aspek pencegahan kebakaran yang digariskan di dalam senarai semak yang disediakan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sebelum mengemukakan permohonan kepada OSC PBT.
- vi. Kesemua permohonan Permit Sementara Bangunan hendaklah dikemukakan oleh Perunding Bertauliah kepada OSC PBT melalui Sistem OSC 3.0 Plus Online.
- vii. SOP ini hanya terpakai bagi cadangan pembinaan rumah pekerja yang akan didirikan di atas tapak bina sahaja sebagaimana Perkara 6(i) di atas.

## 7. INISIATIF UTAMA

Terdapat 6 inisiatif utama telah digariskan bagi memudahkan dan mempercepatkan proses kelulusan Permit Sementara Bangunan seperti berikut;

- i. Penyediaan carta alir yang seragam dan penyelarasan senarai semak dokumen;
- ii. Penetapan KPI tempoh kelulusan 10 hari;
- iii. Penurunan kuasa melulus kepada Ketua Jabatan Bangunan PBT;
- iv. Penyediaan senarai semak pematuhan kehendak-kehendak kebomgaan sebelum pengemukakan permohonan kepada PBT;
- v. Pengecualian rujukan/ edaran kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi mendapatkan ulasan.
- vi. Kebenaran khas untuk memulakan kerja-kerja bangunan sebelum Pelan Permit Sementara diberikan kelulusan.

Pelaksanaan insentif (vi) di atas adalah tertakluk kepada kuasa PBT bagi memberikan satu kebenaran khas untuk memulakan kerja-kerja bangunan selaras dengan UUK 13 UKBS 1984. Walau bagaimanapun, pemohon hendaklah terlebih dahulu mengemukakan permohonan Permit Sementara kepada PBT dan hendaklah menyatakan secara bertulis cadangan dan permohonan bagi mendapatkan kebenaran khas tersebut daripada PBT.


## 8. SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA BANGUNAN

Jadual 1 : Senarai Semak Dokumen Permohonan Permit Sementara Bangunan Rumah Pekerja.

| BIL. | DOKUMEN                                                                                           | CATATAN                        |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------|
| 1.   | Surat Permohonan Rasmi dan Borang Permit Sementara 1 Dan 'A'.                                     | Rujuk Jadual Pertama UKBS 1984 |
| 2.   | Pelan Kunci/ Pelan Lokasi/ Pelan Permit Sementara.                                                | -                              |
| 3.   | Salinan Kelulusan Kebenaran Merancang Yang Masih Sah.                                             | -                              |
| 4.   | Salinan Kelulusan Pelan Bangunan Yang Masih Sah atau Bukti Pengemukaan Permohonan Pelan Bangunan. | -                              |
| 5.   | Resit Bayaran Fi Proses Permit Sementara.                                                         | Rujuk Jadual Pertama UKBS 1984 |
| 6.   | Bayaran Permit Sementara.                                                                         | Rujuk Jadual Pertama UKBS 1984 |
| 7.   | Resit Cukai Taksiran Semasa. (Jika Berkaitan)                                                     | -                              |
| 8.   | Resit Bayaran Cukai Tanah Terkini. (Jika Berkaitan)                                               | -                              |
| 9.   | Bayaran Deposit/ Amanah. (Jika Berkaitan)                                                         | -                              |
| 10.  | Pelan, Gambar Tapak, Lukisan Dan Perincian.                                                       | -                              |

## 9. CARTA ALIR PERMOHONAN

Rajah 1 : Carta Alir Permohonan Permit Sementara Bangunan Rumah Pekerja.



## 10. SENARAI SEMAK KEHENDAK-KEHENDAK KEBOMBAAN BAGI PERMIT SEMENTARA BANGUNAN

Jadual 2 : Senarai Semak Kehendak-Kehendak Kebombaan.

| KEHENDAK KEBOMBAAN               |                                                                                                                                                                                                                                                                                | KUARTERS<br>PEKERJA<br>1 TINGKAT | KUARTERS<br>PEKERJA<br>2 TINGKAT |
|----------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|
| <b>A) PELAN TAPAK</b>            |                                                                                                                                                                                                                                                                                |                                  |                                  |
| 1.                               | Adakan pili bomba jenis tiang dua hala dengan pengeluaran air sebanyak 1135 liter seminit bagi setiap pili bomba dalam jarak 90 meter.<br><b><i>Nota: Jika tiada saluran paip air di tapak projek maka boleh mengadakan tambahan alat pemadam api (fire extinguisher).</i></b> | ✓                                | ✓                                |
| 2.                               | Adakan jalan masuk perkakas bomba ( <i>access road</i> ) dengan kelebaran tidak kurang 6 meter, kecerunan hendaklah tidak kurang 1:12 dan boleh menanggung beban 30 tan.                                                                                                       | ✓                                | ✓                                |
| <b>B) KEHENDAK-KEHENDAK LAIN</b> |                                                                                                                                                                                                                                                                                |                                  |                                  |
| 1.                               | Adakan penggera kebakaran jenis pecah kaca.<br><b><i>Nota: Jika tiada bekalan elektrik maka keperluan penggera kebakaran jenis pecah kaca boleh dikecualikan.</i></b>                                                                                                          | ✓                                | ✓                                |
| 2.                               | Adakan alat pemadam api.                                                                                                                                                                                                                                                       | ✓                                | ✓                                |
| 3.                               | Adakan alat pengesan asap jenis kuasa tersendiri ( <i>self contained type smoke detector</i> ).                                                                                                                                                                                | ✓                                | ✓                                |
| 4.                               | Adakan jalan keluar yang mencukupi yang bersesuaian.                                                                                                                                                                                                                           | ✓                                | ✓                                |
| 5.                               | Adakan lampu tanda 'KELUAR' kecemasan yang menggunakan dua bekalan kuasa.                                                                                                                                                                                                      | -                                | ✓                                |
| 6.                               | Adakan lampu kecemasan yang menggunakan dua bekalan kuasa.                                                                                                                                                                                                                     | -                                | ✓                                |
| 7.                               | <i>Principal Submitting Person (PSP)</i> hendaklah bertanggungjawab bagi reka bentuk, jalan keluar dan keselamatan penghuni di premis masing-masing.                                                                                                                           | -                                | ✓                                |

## 11. KUATKUASA

SOP ini berkuatkuasa dengan serta merta.

-- TAMAT --